

# **BAB SATU**

## BAB SATU

### DEFINISI “MENCURI”

#### 1. Definisi “Mencuri”: Perbandingan di antara Kanun Keseksaan dan Hukum Islam

Istilah “mencuri” menurut kamus *Oxford Advanced Learner’s Dictionary*<sup>1</sup> ialah:

*“ To take something from a person/shop etc. without permission and without intention to return it or pay for it”*

Definisi “mencuri” menurut Kanun Keseksaan pula telah diperuntukkan di bawah seksyen 378 sebagaimana berikut:

*“ Barangsiapa yang bermaksud hendak mengambil dengan curangnya apa-apa harta yang boleh dialih daripada milik mana-mana orang dengan tiada kerelaan orang itu menggerakkan harta itu dengan tujuan hendak mengambilnya, adalah dikata melakukan kesalahan mencuri”*

Berdasarkan peruntukan ini, perbuatan mencuri menurut Kanun Keseksaan didefinisikan sebagai ‘mengambil harta bolehalih milik oranglain dengan curang tanpa kerelaan orang itu dengan cara menggerakkan harta berkenaan dengan tujuan hendak mengambilnya’.

Apa yang dimaksudkan dengan ‘mencuri’ telah turut diperjelaskan oleh Ketua Hakim Petheram di dalam kes *Queen Empress lwn Sri Churn Cungo*<sup>2</sup> apabila beliau menyebut:

*“ Sesiapa yang bagi tujuan mengambil dengan niat untuk mendapatkan harta dengan cara yang tidak sah di sisi undang-undang menggerakkan harta itu atau sesiapa yang bagi tujuan mengambil harta dengan niat menyimpannya melalui cara yang tidak sah di sisi undang- undang atau sesiapa yang menggerakkan harta bagi maksud mengambilnya dengan niat*

<sup>1</sup>A S Hornby, ( 2001) Oxford University Press

<sup>2</sup> ALR 22 Cal 1017 di hlm. 1019

*mengeluarkannya dari kepemilikan orang yang berhak ke atas harta itu melalui cara yang tidak sah di sisi undang-undang, meskipun dia tidak bermaksud menafikan hak orang itu secara berkekelan, adalah dikatakan telah melakukan jenayah mencuri."*

Begitu juga, di dalam kes *Pyare Lal Iwn State of Rajashtan*<sup>3</sup> Hakim Subba Rao juga telah menjelaskan apa yang dikatakan sebagai 'curi' menurut sek. 378 seperti berikut:

*"The section may be dissected into its component parts thus: a person will be guilty of the offence of theft. (1) if he intends to cause a wrongful gain or a wrongful loss by unlawful means of property to which the person gaining is not legally entitled or to which the person losing is legally entitled, as the case may be; (2) the said intention to act dishonestly is in respect of movable property; (3) the said property shall be taken out of possession of another person without his consent; and (4) he shall move that property in order to such taking"*

Ini bererti, seseorang itu dikatakan telah melakukan kesalahan mencuri apabila pertama, ia secara tidak jujur telah menyebabkan kedapatan harta secara salah atau menyebabkan kehilangan harta secara salah; Kedua, mengambil harta bolehalih orang lain melalui cara yang tidak sah di sisi undang-undang serta tanpa kerelaan daripada pemiliknya, ketiga, si pengambil itu tidak mempunyai sebarang hak yang sah di sisi undang-undang dan keempat, orang yang kehilangan harta itu mempunyai hak yang sah di sisi undang-undang terhadap harta tersebut. Dengan lain perkataan, perbuatan mencuri dikatakan telah berlaku apabila wujudnya unsur perbuatan (*actus reus*), iaitu mengambil apa jua harta boleh alih orang lain daripada kepemilikan sah seseorang dengan cara mengalihkannya tanpa kerelaan pemiliknya dengan maksud untuk mengambilnya. Di samping *actus reus*, unsur mental (*mens rea*) turut terlibat iaitu apabila pengambilan dilakukan dengan niat yang tidak jujur. Maksud "dengan curang" di dalam seksyen 378 haruslah merujuk kepada definisi "dengan curang" seperti yang diperuntukkan oleh sek. 24 Kanun Keseksaan iaitu mengerakkan harta dengan tujuan untuk menyebabkan sesuatu keuntungan melalui

<sup>3</sup> AIR (1963) SC 1094, di hlm.1097 dan 1098.

cara yang salah di sisi undang-undang atau menyebabkan kehilangan kepada seseorang yang lain melalui cara yang salah di sisi undang-undang tidak kira samada perbuatan itu menyebabkan kehilangan salah atau keuntungan salah sebenar. Kedapatan salah atau kehilangan salah itu pula haruslah didefinisikan berdasarkan sek. 23 Kanun.<sup>4</sup> Harta yang dicuri itu juga tidak semestinya diambil dengan tujuan menafikan pemiliknyanya terhadap haknya ke atas harta berkenaan secara berkekalan. Ini bermakna, perbuatan mengambil harta oranglain secara senyap-senyap dengan curang tetap dianggap mencuri meskipun si pencuri mengambilnya dengan tujuan untuk menyimpannya secara sementara atau untuk tempoh yang tertentu sahaja.<sup>5</sup>

Di dalam Islam, "curi" adalah salah satu jenayah yang dikategorikan sebagai *Hudūd* dan telah disepakati oleh para *fuqahā'*. Di dalam al-Quran, hanya terdapat satu ayat sahaja yang menyebut berkenaan jenayah ini, iaitu di dalam firman Allah:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا جِزَاءً بِمَا كَسَبَا نَكَالًا مِنَ اللَّهِ

*"Lelaki yang mencuri dan wanita yang mencuri hendaklah kamu potong tangan mereka sebagai balasan terhadap perbuatan yang mereka lakukan dan siksaan daripada Allah"*

Surah al-Mā'idah ( 5 ):38

Walaupun bagaimanapun, ayat ini hanya menyebut bahawa lelaki dan wanita yang mencuri wajib dihukum dengan hukuman potong tangan tanpa menjelaskan apakah yang dimaksudkan dengan "mencuri" itu.

<sup>4</sup> "Kedapatan salah" ialah kedapatan harta dengan jalan yang menyalahi undang-undang yang orang yang mendapatnya itu tidak berhak di sisi undang-undang

"Kehilangan salah" ialah kehilangan harta dengan jalan yang menyalahi undang-undang yang orang yang kehilangannya itu berhak di sisi undang-undang

<sup>5</sup> Lihat *Illustrasi (I)* sek. 378. Lihat juga kes *Madri Damri v Emperor A.I.R 1946 Nag. 221 dan Pyare Lal v State of Rajashtan, supra* n. 3, di hlm. 3

Mencuri di dalam bahasa Arab disebut sebagai *as-sariqah* (السَّرِقَة) yang berasal daripada katakerja *sariqa* (سَرَقَ) yang bermaksud mengambil hartabenda orang lain secara diam atau secara sembunyi.<sup>6</sup> Allāmah al-Kasānī menyatakan bahawa unsur pencurian ialah mengambil harta seseorang yang lain secara senyap-senyap. Ibnu Qudāmah juga turut memberikan definisi yang sama.<sup>7</sup> Seseengah ulama' memberikan definisi curi dengan merujuk kepada curi yang boleh dikenakan *hadd*. Walaubagaimanapun, ulama' telah sepakat menyatakan bahawa 'mencuri' itu sendiri ialah mengambil harta orang lain secara sembunyi-sembunyi. Misalnya, ulama' mazhab Syāfi'ī secara umumnya telah mendefinisikan 'mencuri' sebagai: pengambilan harta secara diam-diam dan zalim daripada tempat simpanan, dengan terikat kepada beberapa syarat. Imam Syāfi'ī telah memperincikan lagi definisi tersebut apabila beliau menyebut bahawa harta yang dicuri itu hendaklah mencukupi *niṣābnya*, diambil dari tempat simpanan dan dilakukan secara sukarela oleh seseorang yang telah dewasa dan sempurna akalnya.<sup>8</sup> Imam Mālik di dalam mendefinisikan perbuatan "mencuri" mengatakan bahawa "mencuri" adalah perbuatan mengambil harta orang lain oleh seorang yang *mukallaf* di mana harta tersebut telah mencapai nilai yang cukup *niṣābnya*, dengan niat untuk mencuri dan tiada sebarang *syubhah* (kesamaran) di dalam pemilihan orang itu terhadap harta tersebut.<sup>9</sup> Di kalangan ulama Mazhab Ḥanafī pula, terdapat sebahagian *fuqahā'* yang mentakrifkannya sebagai pengambilan harta yang mencukupi *niṣāb* untuk pembalasan potong tangan, oleh seseorang yang sudah baligh dan sempurna akal, di

<sup>6</sup> Wizārah al-Awqāf wa al-Syu-ūn al-Islāmiyyah (1992), *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*, Kuwait: Zalzalah al-Suriyyah, j. 24., hlm. 292.

<sup>7</sup> Lihat Ibnu Qudāmah, *al-Mughnī* (1989), Kaherah: Hajar al-Tabā'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzī' wa al-I'lān, j. 12, hlm. 240

<sup>8</sup> Lihat al- Syaikh Muhammad Al-Syarbīnī al-Khaṭīb (1958), *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma'rifat Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*, Kaherah: Syarikah Maktabah wa Maṭba'ah Muṣtafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādūh, j. 4 . hlm. 158. Lihat juga Ahmad al-Kubūṣī, (1391H/1971M), *Aḥkām al-Sariqah fī al-Syarī'ah al-Islāmiyyah wa al-Qānūn*, Baghdad: Maṭba'ah al-Irsyād, hlm. 23.

<sup>9</sup> Lihat Ibnu Rusyd, Abū al-Wālid Muḥammad Bin Aḥmad Bin Muḥammad Bin Aḥmad Bin Rusyd al-Qurṭubī (1390H/ 1970M), *Bidāyah al-Muhtajid wa al-Nihāyat al-Muqtasid*, Kaherah: Maktabah al-Kulliyāt al-Azhāriyyah, j. 2, hlm. 372.

mana harta tersebut bukanlah dari jenis yang cepat rosak, dimiliki oleh orang lain dan diambil secara diam-diam daripada tempat simpanannya tanpa sebarang *syubhah* (kesamaran).<sup>10</sup>

Oleh yang demikian, perbuatan mengambil harta orang lain secara terang-terangan atau diketahui oleh mangsa atau dengan menggunakan kekerasan tidak dikatakan sebagai mencuri.<sup>11</sup> Menurut 'Abd al-Qādir 'Awdah, mengambil harta orang lain dengan pengetahuan pemiliknya tetapi tanpa kerelaannya dengan menggunakan kekerasan adalah *hirābah* (rompakan). Sementara perbuatan mengambil harta orang lain dengan pengetahuan pemiliknya tanpa kerelaannya tetapi tanpa menggunakan kekerasan adalah *Ikhtilās, nahb* atau *ghasb*.<sup>12</sup>

Berdasarkan definisi "mencuri" di atas, dapatlah dikatakan di sini bahawa definisi "mencuri" yang terkandung di bawah sek. 378 Kanun Keseksaan adalah selari dan sinergi dengan istilah 'mencuri' menurut hukum Islam. Sungguh pun demikian, masih terdapat tiga kesamaran di dalam seksyen berkenaan yang perlu diatasi.

Pertamanya, seksyen berkenaan hanya menyebut '*apa-apa harta yang boleh alih*'. Di dalam Bab II Huraian Am Kanun Keseksaan, walaupun sek. 22 ada menghuraikan pengertian harta alih, namun tiada sebarang seksyen pun yang menghuraikan apa yang dimaksudkan dengan 'harta'. Huraian ini penting kerana ia merupakan pokok utama di dalam menentukan samada sesuatu perbuatan itu dikatakan curi atau bukan kerana mengambil sesuatu yang bukan harta tidak

---

<sup>10</sup> Lihat Ibnu al-Hummām (t.t), *Syurh Fath al-Qādir*, Kaherah: Dār al-Fikr, j. 4, hlm. 219

<sup>11</sup> al-Kasānī (1982), *Badāi' al-Ṣanāi'*, Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabiyy, j. 7 hlm. 65

<sup>12</sup> 'Abd al-Qādir 'Awdah, (1992) *al-Tasyrī' al-Jināi al-Islāmī*, Muassasah, al-Risālah, j. 2, hlm. 514, 516

dipanggil mencuri. Selain itu, sek. 378 juga tidak menjelaskan kadar harta alih tersebut. Apabila hal ini tidak dinyatakan, maka persoalan yang mungkin timbul ialah, apakah kesemua harta bolehalih tanpa mengira nilainya boleh dikategorikan sebagai harta curian? Walaupun seksyen 95 Kanun ada menyebutkan bahawa sesuatu perbuatan yang menyebabkan kerosakan yang sebegitu kecil bukan merupakan suatu kesalahan, namun seksyen ini juga tidak pula menyatakan apakah kadar atau nilai yang dikatakan sebagai kecil itu. Adalah tidak adil mengenakan hukuman ke atas pencuri yang mengambil suatu harta yang sangat rendah nilainya dengan bentuk hukuman yang sama dengan pencuri yang mencuri harta yang sangat tinggi harganya! Berbeza dengan undang-undang Islam, nilai harta yang dicuri disyaratkan mencapai kadar *niṣāb* yang tertentu. Walaupun nilai ini telah diperbahaskan oleh para ulama', namun pihak berkuasa boleh menerima mana-mana pendapat yang dirasakan paling sesuai dengan keadaan semasa dan sezaman. Di Pakistan, sek. 6 *Ordinan Kesalahan-kesalahan Terhadap Hartabenda (Penguatkuasaan Hudud) 1979* memperuntukkan, nilai minimum harta yang dicuri yang membolehkan pencuri menerima hukuman *hadd* ialah 4.457 gm emas sementara di Libya pula nilainya menurut Artikel 2(c) *Undang-undang Mengenai Kesalahan Terhadap Hartabenda 1972* adalah tidak kurang daripada 10 dirham Libya. Justeru itu, bagi menjamin keadilan suatu peruntukan perlu dimasukkan bagi menentukan kadar nilai minimum tertentu barang yang diambil yang termasuk di dalam kategori barang curian atau mungkin hukuman yang lebih ringan boleh dikenakan jika harta yang dicuri itu mempunyai nilai yang tersangat kecil.

Selain itu juga, perkataan 'milik' yang digunakan di dalam ungkapan '*daripada milik mana-mana orang*' turut mengandungi kesamaran. Ini diakui oleh

Atchuthen Pillai di dalam bukunya *Criminal Law*<sup>13</sup> apabila beliau menyatakan bahawa adalah sukar untuk memberikan suatu takrifan yang tepat dan jelas bagi perkataan 'milik' (*possession*). Ini kerana, terdapat keadaan-keadaan tertentu di mana sukar untuk menentukan bahawa harta yang dicuri berada di dalam milik siapa semasa ianya dicuri. Bagi mengatasi masalah kesamaran ini, istilah 'milik' harus diperjelaskan dengan menyatakan siapakah yang dikatakan sebagai 'orang-orang yang memiliki' itu. Definisi yang terkandung di bawah seksyen 378 Pakistan Penal Code (XLV 1860) yang turut menyebut secara jelas siapakah yang dimaksudkan dengan 'pemilik' adalah suatu contoh yang baik untuk diikuti apabila ia memperuntukkan:

*"...[S]uch property belonging to another person as owner, mortgagee, custodian, trustee or administrator or in any other capacity entitling him to a legal claim"*

Daripada definisi-definisi yang telah diterangkan juga, selain daripada unsur perbuatan yang telah disebutkan dipenuhi, sepertimana seksyen 378, di dalam hukum Islam unsur niat juga perlu ada bagi membentuk kesalahan mencuri. Walaubagaimanapun, terdapat sedikit perbezaan di antara seksyen 378 dan hukum Islam dari aspek ini kerana menurut hukum Islam apabila seseorang mengambil sesuatu harta kepunyaan orang lain tanpa niat untuk memilikinya seperti sekadar untuk melihat-lihat atau menggunakannya untuk sementara dengan tujuan memulangkannya semula atau seseorang yang mengambilnya dengan kepercayaan bahawa pemilik harta berkenaan bersetuju dengan pengambilan berkenaan atau mengambilnya tanpa mengetahui pengharaman ke atas perbuatannya itu tidak dianggap sebagai mencuri. Ini adalah kerana niat jahat (niat untuk mencuri) tidak wujud semasa mengambil harta berkenaan.

---

<sup>13</sup> (1983), Bombay: N.M. Tripathi Private Limited, Edisi Keenam, hlm. 675. Misalnya, di dalam suatu majlis jamuan makan di rumah seorang tuan rumah, semua peralatan seperti sudu, pinggan dan sebagainya adalah kepunyaan tuan rumah. Persoalannya, semasa alat-alat berkenaan sedang digunakan oleh para tetamu, siapakah pemilik alat-alat berkenaan: Tuan rumah atau tetamunya?



Daripada perbincangan dan perbandingan di atas, dapatlah disimpulkan di sini bahawa definisi curi yang diperuntukkan di bawah seksyen 378 Kanun Keseksaan adalah selari dengan definisi curi yang dikehendaki oleh hukum Islam. Walaupun masih terdapat beberapa kelemahan dan kesamaran di dalam aspek tertentu namun ianya masih boleh diperbaiki berdasarkan alasan dan cadangan yang telah pun dikemukakan.